

MAHATHIR - ISLAM

1985

PULAU PINANG, 2 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS SESETENGAH GOLONGAN DI KALANGAN UMAT ISLAM YANG MEMBURUK-BURUKKAN IMEJ AGAMA SENDIRI MELALUI SIKAP ANGKUH YANG DITUNJUKKAN MEREKA.

MENURUTNYA, TINDAK-TANDUK GOLONGAN INI SEOLAH-OLAH MENUNJUKKAN KEANGKUHAN ITU ADALAH ARAHAN ATAU AJARAN AGAMA PADA HAL DALAM ERTIKATA SEBENARNYA PERBUATAN ITU TIDAKLAH BEGITU.

BELIAU BERKATA, MEREKA JUGA SENTIASA MENKRITIK DAN MENIMBULKAN PERASAAN MARAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KERAJAAN DENGAN MEMBANGKITKAN PELBAGAI PERKARA YANG TIDAK MEMUASKAN HATI.

+AKIBATNYA, WALAUPUN USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK KEBAIKAN ISLAM MENJADI NYATA, TETAPI PADA MEREKA +TIDAK NYATA+ DAN SEGALA YANG +PUTIH+ BAGI KERAJAAN MENJADI +HITAM+ KEPADA MEREKA,+ KATANYA SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 2,000 ORANG SEBELUM MERASMIKAN MASJID BARU AL-HUDA YANG BERHARGA \$800,000 DI SUNGAI ARA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KESAN TINDAKAN GOLONGAN ITU JUGA TELAH MENIMBULKAN KEKELIRUAN DAN PERASAAN TAKUT DI KALANGAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM APABILA KERAJAAN BERUSAHA MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM NEGARA SEKARANG. -- LAGI.

1749MST 02 08 85

MAHATHIR - ISLAM 2 PULAU PINANG

MENURUTNYA, TINDAKAN SEUMPAMA ITU BUKAN SATU PETANDA YANG BAIK DALAM USAHA KERAJAAN MENYATUPADUKAN RAKYAT YANG BERBILANG KAUM, BANGSA DAN AGAMA SEBALIKNYA AKAN MEMBAWA KE ARAH KEBIMBANGAN BUKAN SAJA DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM TETAPI JUGA MEREKA YANG BUKAN ISLAM.

MENGENAI DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM YANG DIJALANKAN OLEH PENTADBIRAN SEKARANG, PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KEPADA MASYARAKAT BUKAN ISLAM BAHAWA PENGENALAN DASAR ITU TIDAK AKAN MEMBAWA KEBINASAAN KEPADA SESIAPA PUN.

SEBALIKNYA, DASAR ITU YANG MENEKANKAN SEGALA UNSUR KEBAIKAN, Keadilan, TOLERANSI DAN SEBAGAINYA SEPerti YANG DIKEHENDAKI ISLAM ADALAH BAGI MENJAMIN KEAMANAN DAN PERSEFAHAMAN ANTARA PENDUDUK NEGARA INI, KATANYA.

+KERAJAAN TIDAK ADA NIAT YANG TIDAK BAIK KEPADA SESIAPA PUN TETAPI APA YANG DIKEHENDAKI IALAH MENJADIKAN NEGARA INI KUKUH, KUAT DAN AMAN SUPAYA RAKYATNYA DAPAT MENJALANI HIDUP DAN IBADAT TANPA DIGANGGU-GUGAT,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR ITU JUGA BUKANLAH UNTUK +MENGALIH+ ORANG-ORANG BUKAN ISLAM KEPADA AGAMA ISLAM TETAPI MEMBUKTIKAN BAHAWA KEBAIKAN DAN KEADILAN DALAM AGAMA ITU BOLEH DICAPAI. -- LAGI.

1753MST 02 08 85

D861

U 2914 DEB

MAHATHIR - ISLAM 3 PULAU PINANG

MENURUTNYA, ORANG-ORANG ISLAM SENDIRI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENUNJUKKAN KEPADA MEREKA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM BAHAWA AGAMA ITU TIDAK AKAN MENDATANGKAN MUDARAT DAN BINASA KEPADA SESIAPA SAJA.

BELIAU BERKATA, JIKA ADA MASYARAKAT YANG BUKAN ISLAM MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA SEPerti KEZALIMAN DAN KEANGKUHAN SESETENGAH PEMIMPIN DI NEGARA-NEGARA ORANG-ORANG ISLAM, IA BUKANLAH BERPUNCA DARIPADA

AJARAN AGAMA ISLAM SENDIRI.

TETAPI IA DISEBABKAN OLEH PEMBAWAAN NAFSU PARA PEMIMPIN ATAU MASYARAKAT ISLAM ITU SENDIRI, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, RAKYAT NEGARA INI HARUS BERSYUKUR KERANA DAPAT MENJALANI HIDUP DALAM KEADAAN AMAN DAN DAMAI TANPA ANCAMAN UNTUK MENJALANKAN IBADAT.

BELIAU MENASIHATI ORANG-ORANG ISLAM SUPAYA TIDAK SEHARUSNYA MEMPUNYAI PRASANGKA TERHADAP MEREKA YANG BUKAN SEAGAMA DENGAN MEREKA ATAUPUN SESAMA MEREKA.

MENURUTNYA, SEKIRANYA SUASANA INI DAPAT DIKEKALKAN, NEGARA INI AKAN MENJADI MAJU, AMAN DAN PARA PENDUDUKNYA BOLEH +HIDUP DAN MATI DALAM KEADAAN TERSELAMAT+. -- LAGI.

1755MST 02 08 85

#### MAHATHIR - ISLAM 4 PULAU PINANG

SEBELUM ITU, PENGERUSI JAWATANKUASA KARIAH MASJID ITU, DATUK HAJI ISMAIL HASHIM YANG TURUT BERUCAP BERKATA, MASJID BARU YANG DIBINA DI ATAS TANAH WAKAF SELUAS 0.405 HEKTAR ITU DIRANCANGKAN SEJAK 11 TAHUN LALU.

MENURUTNYA, IA BOLEH MENAMPUNG LEBIH 1,500 ORANG DAN MASJID ITU JUGA MERUPAKAN MASJID KETIGA BAGI KARIAH SUNGAI ARA BAGI MENGGANTIKAN MASJIDNYA YANG LAMA YANG KINI BERUSIA 80 TAHUN YANG AKAN DIJADIKAN BALAI ISLAM.

TAPAK MASJID ITU SERTA DAN TANAH PERKUBURAN DI SITU DIWAKAFKAN OLEH KOPERASI TUNAS MUDA, KATANYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN BERSEMBAHYANG JUMAAT DAN MAKAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA UMAT ISLAM DI SITU.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA ITU IALAH KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU, PENGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI DATUK HAJI HASSAN MOHAMAD NOH DAN PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA.